

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**
 : **[SERIAN]**
TARIKH : **22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 27

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina pagar keselamatan lima kilometer ke kiri dan ke kanan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Tebedu, Sarawak. Kalau ada, bilakah ianya bakal dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini belum membuat pertimbangan untuk membina pagar keselamatan di sebelah barat dan timur Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu, Sarawak. Pemerintah Indonesia juga tidak mempunyai perancangan yang sama. Sekiranya kedua-dua negara ingin membina pagar tersebut ianya perlu melibatkan perbincangan dan persetujuan bersama. Oleh kerana pembinaan pagar sempadan melalui sempadan antarabangsa, perbincangan kedua buah negara perlu dilaksanakan terlebih dahulu.
2. Sebagai mekanisme kawalan keselamatan di sempadan darat, Kerajaan pada masa ini bekerjasama rapat dengan Pemerintah Indonesia dalam mengoperasikan pos kawalan keselamatan yang dikendalikan secara bersama oleh agensi keselamatan kedua negara.
3. Selain daripada pos gabungan bersama, Kerajaan telah mewujudkan pos-pos keselamatan di Tebedu dan kawasan sempadan darat Negara di Negeri Sarawak yang dikendalikan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
4. Jarak keseluruhan sempadan darat Malaysia-Indonesia (Sarawak – Kalimantan Barat) adalah 1,024 km dan jarak yang sangat panjang ini antara cabaran fizikal yang perlu dipertimbangkan untuk membina pagar keselamatan tersebut.

Sekian, terima kasih.